

**KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN AKTIVITI AGENSI DAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI MELAKA
TAHUN 2018 SIRI 2**

1. Pengauditan terhadap pengurusan aktiviti agensi dan syarikat kerajaan merupakan pengauditan yang dilaksanakan di bawah Seksyen 6(d), Akta Audit 1957. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, laporan hendaklah dikemukakan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Melaka.
2. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Pengurusan Aktiviti Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2018 Siri 2 setelah mendapat perkenan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2019. Seterusnya, laporan ini setelah mendapat perkenan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka akan dibentangkan pula di Dewan Undangan Negeri Melaka pada 11 Mei 2020.
3. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

3.1. Pengurusan Aktiviti Agensi

- a. Pengauditan prestasi telah dijalankan mengikut standard pengauditan antarabangsa iaitu *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 3000, 3100 dan 3200. Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti/projek kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.

- b. Bagi LKAN Tahun 2018 Siri 2 ini, pengauditan pengurusan aktiviti agensi adalah mengenai Pengurusan Hartanah Baitulmal. Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti seperti penambahbaikan prosedur dalam pelaksanaan projek atau program. Bagaimanapun, sasaran/objektif aktiviti yang ditetapkan belum dapat dicapai sepenuhnya, selain terdapat beberapa isu ketidakcekapan dalam pengurusan aktiviti.

3.2. Pengurusan Syarikat Kerajaan

- a. Pengauditan bagi pengurusan syarikat Kerajaan negeri dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957. Pengauditan merangkumi tiga (3) aspek iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat.
 - b. Bagi LKAN Tahun 2018 Siri 2, satu (1) pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan telah dilaksanakan, iaitu MAIM Holdings Berhad yang merupakan syarikat milik penuh Majlis Agama Islam Melaka. Secara keseluruhannya, pengauditan pengurusan syarikat yang dijalankan telah menunjukkan pengurusan yang kurang memuaskan dari segi tadbir urus syarikat. Selain itu, terdapat beberapa isu berkaitan ketidakcekapan dalam pengurusan aktiviti utama syarikat menyebabkan syarikat tidak mendapat keuntungan yang optimum.
-
4. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. *Exit Conference* juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan empat (4) syor terhadap pengurusan aktiviti agensi dan empat (4) syor terhadap pengurusan syarikat Kerajaan negeri untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
 5. LKAN Pengurusan Aktiviti Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2018 Siri 2 dijadual akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Melaka pada 11 Mei 2020. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya

di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 11 Mei 2020 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara
Malaysia

11 Mei 2020